

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.10.2025 MASA: 3:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KITAR SEMULA DI TAMAN SUNGAI DUA
UTAMA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**11 OKTOBER 2025 (SABTU)
8.10 PAGI**

**MASJID RAUDHATUN NAHRIN
TAMAN SUNGAI DUA UTAMA
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Encik Nor Azman Bin Othman

Pengerusi

Jawatankuasa Masjid Raudhatun Nahrain

Yang Dihormati

En Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

Merangkap Penyelaras Program Kitar Semula

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Penduduk Taman Sungai Dua Utama

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan izin-Nya, kita berhimpun pagi ini dalam suasana yang penuh makna bagi menjayakan **Program Kitar Semula di Taman Sungai Dua Utama**.
2. Saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak**, khususnya rakan strategik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), pihak **Masjid Raudhatun Nahrain**, serta **agensi-agensi kerajaan dan swasta** yang bersama berganding bahu menjayakan program ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan membuktikan bahawa **menjaga bumi ini bukan tugas individu**, tetapi **tanggungjawab bersama** demi kesejahteraan generasi akan datang.
3. Penganjuran program ini bukan sekadar memperkenalkan penyediaan **sangkar kitar semula** kepada penduduk sekitar, tetapi juga satu **gerakan komuniti** untuk menanam kesedaran bahawa **sis kitar semula ialah sumber bernilai** yang mampu menjana pendapatan dan memperkukuh ekonomi setempat.

4. Dengan adanya sangkar kitar semula di Taman Sungai Dua Utama, kita bukan sahaja menyediakan kemudahan, tetapi juga membuka ruang pendidikan masyarakat secara tidak langsung. Setiap botol plastik, tin aluminium, atau kertas yang dikitar semula merupakan simbol kepada satu perubahan cara fikir, bahawa setiap daripada kita mempunyai peranan dalam menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya hijau dan rendah karbon.
5. Saya difahamkan bahawa sepanjang program ini berlangsung, pelbagai aktiviti menarik telah disusun, termasuk **taklimat pengasingan sisa di punca**, demonstrasi **barangan upcycle**, hinggalah kepada pemeriksaan kesihatan dan pameran pelbagai agensi kerajaan dan swasta.
6. Pendekatan menyeluruh ini amat bertepatan dengan **Dasar Pengasingan Sisa di Punca Negeri Pulau Pinang 2016**, yang kini diperketatkan pelaksanaannya mulai Julai 2024. Ini menegaskan betapa pentingnya peranan setiap isi rumah dalam memastikan sistem pengurusan sisa yang efisien dan mampan dapat dilaksanakan sepenuhnya.
7. Selaras dengan aspirasi tersebut, **Kerajaan Persekutuan turut memperkenalkan satu inovasi baharu melalui inisiatif “Drive Thru**

Recycle Center” di bawah Geran Sejati MADANI, bagi memudahkan orang awam meletakkan barangan kitar semula dengan lebih cepat dan mudah. Sehingga kini, terdapat sebanyak **17 lokasi *Drive Thru Recycle Center*** di seluruh Seberang Perai, iaitu **lima (5) lokasi di Seberang Perai Utara, tujuh (7) lokasi di Seberang Perai Tengah dan lima (5) lokasi di Seberang Perai Selatan**. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh kemudahan sedia ada, malah menjadi bukti komitmen kerajaan dalam membudayakan kitar semula sebagai gaya hidup masyarakat Malaysia.

8. Untuk makluman semua, berdasarkan Statistik Kitar Semula Tahun 2024, MBSP telah berjaya mengutip **712,149.611 tan sisa kitar semula** berbanding **524,041.59 tan sisa pepejal**, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **1,236,191.201 tan**, dengan **purata kadar kitar semula sebanyak 57.60%**.
9. Jika dibandingkan dengan **tahun 2023**, MBSP telah merekodkan **570,653.25 tan sisa pepejal** dan **767,734.008 tan sisa kitar semula** dengan **purata kadar kitar semula sebanyak 57.36%**. Walaupun peningkatan kadar kitar semula antara dua tahun ini kelihatan kecil, ia menunjukkan trend peningkatan yang konsisten dan menandakan keberkesanan pelaksanaan pelbagai inisiatif hijau oleh MBSP.

10. Namun demikian, kita tidak boleh berpuas hati. Sasaran kita ialah untuk mengekalkan dan meningkatkan kadar kitar semula secara konsisten **melebihi 57.60% menjelang akhir tahun 2025**. Maka, usaha berterusan seperti program hari ini amat penting bagi memastikan momentum kesedaran hijau terus subur di hati setiap warga Seberang Perai.
11. Melalui konsep **upcycle**, komuniti diajar untuk melihat sisa sebagai peluang – peluang untuk berinovasi, berkarya dan menjana ekonomi melalui transformasi bahan terpakai menjadi produk berguna. Inilah makna sebenar kelestarian, apabila kita mampu mengubah sesuatu yang dianggap tidak bernilai kepada sumber yang memberi manfaat kepada masyarakat.
12. Saya yakin, usaha seperti ini mampu memperkukuh jalinan sosial dan semangat kejiranan. Apabila masyarakat bersama-sama menjaga persekitaran, maka terbinalah satu komuniti yang bukan sahaja bersih dari segi fizikal, tetapi juga subur dengan nilai-nilai murni seperti saling membantu, menghargai dan bertanggungjawab terhadap alam.
13. Saya menyeru agar **Program Kitar Semula di Taman Sungai Dua Utama** ini menjadi titik tolak kepada gerakan hijau komuniti di seluruh Seberang Perai. Jadikanlah taman ini **model contoh komuniti lestari** dalam pelaksanaan amalan kitar semula dan pengasingan sisa di punca.

14. Adalah menjadi harapan saya agar setiap keluarga di Seberang Perai dapat menjadikan kitar semula sebagai budaya harian, bukan kerana dipaksa oleh undang-undang, tetapi kerana lahirnya rasa cinta terhadap bumi yang menjadi tempat tumpah darah kita.
15. Bersama-sama, marilah kita terus melangkah ke hadapan dengan semangat “**Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.**” Moga usaha kecil yang kita mulakan hari ini menjadi benih besar kepada masa depan yang lebih lestari dan harmoni untuk generasi akan datang.
16. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Kitar Semula Di Taman Sungai Dua Utama.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.